

Projek pembangunan utamakan kemudahan riadah kepada penghuni

Oleh MOHAMAD AMREEL  
IMAN ABD MALEK  
SHAH ALAM

Syarikat hartanah SkyWorld Development Berhad (SkyWorld) sekali lagi tampil dengan projek pembangunan baharu lebih eksklusif iaitu The Valley Residences.

Terletak di Setiawangsa, Kuala Lumpur, projek The Valley Residences yang membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM761 juta itu terdiri daripada tiga menara ikonik dengan menempatkan sebanyak 1,309 unit kediaman.

Saiz kediaman yang bermula dari 74.32 meter persegi hingga 122.44 meter persegi memberikan ruang yang luas kepada penghuni terutama yang sudah berkeluarga atau keluarga bersaiz sederhana.


Apa yang menarik, kediaman ini menyediakan fasiliti lengkap kepada penghuni iaitu kolam renang bersaiz Olimpik di tingkat bawah, taman landskap, Jacuzzi Cove, Hammock Grove, Forest Veranda, Canopy Walk, Sierra Playpark, dan gim Power Mixed Martial Art (MMA) yang lengkap dengan peralatan latihan yang pelbagai.

Selain itu, menyenangkan dari segi kos, kemudahan tersebut dapat dinikmati hanya dengan yuran penyenggaraan berjumlah RM0.29 (tidak termasuk dana tenggelam).

# The Valley Residences tawar gaya hidup sihat



Reka bentuk ruang hadapan yang moden menepati cita rasa penghuni masa kini.



The Valley Residences terletak di Setiawangsa, lokasinya lebih kurang 4km iaitu di sebelah timur dari pusat bandar Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif SkyWorld Development Berhad, Lee Chee Seng berkata, fasiliti yang ditawarkan adalah sejajar dengan matlamat pihaknya untuk mewujudkan komuniti yang lebih sihat dan sejahtera.

“Kami percaya dalam 'Bangunan Sihat, Kehidupan Sihat' sebagai sebahagian daripada produk utama kami yang bertujuan untuk menyediakan produk berkualiti tinggi kepada pasaran,” kata beliau.

Baru-baru ini, lebih daripada 120 pengunjung terdiri daripada pengamal media, penilai hartanah dan pihak bank menyertai lawatan projek eksklusif di bangunan tersebut yang dianjurkan oleh SkyWorld.

## Muat turun aplikasi komuniti bisnes GM Klang meningkat

**KUALA LUMPUR** - Aplikasi Komuniti Bisnes GM Klang yang dilancarkan sejak Oktober tahun lepas berjaya menghubungkan lebih 150 janji temu usahawan dengan pemborong menerusi padanan perniagaan, sehingga Jun lepas.

Pengurus Kanan Komunikasi Jenama Pusat Borong GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, aplikasi itu merupakan inovasi syarikat untuk memudahkan usahawan berhubung dengan pemborong GM Klang dan kini telah melepasi 8,000 muat turun di seluruh negara.

Ini menjadikan penggunaan ciri utamanya iaitu padanan perniagaan semakin mendapat sambutan menggalakkan sekali gus menunjukkan penerimaan masyarakat kepada penggunaan aplikasi itu.

“Selain membolehkan para pemborong dan pengguna meneroka peluang keusahawanan dengan mudah dan pantas, pengguna aplikasi ini juga diberi peluang untuk menggunakan studio secara percuma yang disediakan khas untuk mereka yang ingin mempromosikan barang jualan me-

reka,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Norsuhaida berkata, berdasarkan maklum balas yang diterima, rata-rata pengguna berpuas hati kerana aplikasi itu memudahkan urusan mereka yang ingin memulakan perniagaan dengan telus tanpa berasa was-was dengan pemborong yang dihubungkan.

Selain itu, menurutnya, sebarang informasi di GM Klang seperti pembukaan kedai baharu, kempen terkini dan sebagainya turut disiarkan di ruang ‘announcement’ atau pengumuman bagi memastikan semua pengguna aplikasi mengetahui informasi terkini.

“GM Klang menganggarkan bilangan pengunjung yang akan memuat turun aplikasi ini akan bertambah kerana aplikasi ini akan dinaik taraf dengan pelbagai lagi fasiliti perniagaan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian, bagi memastikan aplikasi ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang ingin memulakan perniagaan bersama GM Klang,” katanya. - *Bernama*



SAMBUTAN  
ULANG TAHUN  
ECERDC KE **15**



## Peluang Kerjaya di **CAREER@ECER**

4 Julai 2023, Selasa | 9.00 Pagi - 5.00 Petang

Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah  
(SASICC), Kuantan Pahang

# Lebih 1200 Jawatan Ditawarkan



**KIP**  
KUANTAN  
PORT



**N**  
NEXTGREEN  
GLOBAL  
BERHAD



**MPS**  
MPS



**MIE**  
ENERGY



**AMAN TIOMAN**  
BEACH RESORT



**SPCI**



**LIANCE STEEL**



**RIA Solutions**



**HE**



**AZIATEX**  
GLOBAL



**EASTERN STEEL SDN. BHD.**



**QL Resources Berhad**



**RHB Asset Management**



**ZENITH**  
KUANTAN



**SWISS-GARDEN**



**RWA**  
RWMA ENGINEERING



**CAMEL**



**HiCOM**  
AUTOMOTIVE



**SKmagic**



[www.ecerdc.com.my](http://www.ecerdc.com.my)

[f](#) [@](#) [in](#)

